

**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** Welcome Centre  
**Sent:** 19 Jun 2016 16:16  
**To:** UUM - All Students; UUM - All Staff  
**Subject:** AROMA SINTOK CLEANSER MEMIKAT NGO KUALA LUMPUR



19 JUN 2016 / 14 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi  
Gambar oleh: Anjung Tamu

**AROMA SINTOK CLEANSER MEMIKAT NGO KUALA LUMPUR**



**ANJUNG TAMU ONLINE:** Sintok *cleanser* yang mula berada di pasaran *Gift Shop* Welcome Centre telahpun mendapat tempat di hati tetamu yang datang berkunjung ke UUM bersempena Discover UUM. Pokok Sintok yang unik seringkali membuat tetamu teruja dan ingin tahu dengan lebih lanjut sejarah dan kegunaannya.

Baru-baru ini, delegasi dari Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Kuala Lumpur singgah ke Welcome Centre setelah bangunan yang indah ini berhasil mencuit hati mereka di bulan ramadan. Mengiringi delegasi tersebut, Penolong Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), Budiman Sobri Abdullah.

Menurut ketua delegasi, Zarina Ramli, bulan ramadan dengan Sintok *cleanser* yang wangi lagi lembut dapat memberikan keharuman sebaik sahaja membuka pek sabun *cleanser* tersebut. Sekaligus membantu diri agar tetap tenang dan positif ketika berpuasa.

“Bulan ramadan adalah bulan yang penuh keberkatan, menjaga ketenangan diri ketika berpuasa sangatlah penting meskipun tetap aktif seharian”, katanya yang akan ke

beberapa lokasi untuk menyampaikan sumbangan bakul ramadan anjuran bersama IPDM.

Selain itu, inovasi keharuman Sintok *cleanser* yang pertama kalinya diperkenalkan sejak 32 tahun UUM turut mempromosikan tiga wangian iaitu *peach*, *orange* serta lavender yang terdiri daripada aroma kayu Sintok di rimba hijau.

Sintok *cleanser* yang semakin digemari oleh tetamu adalah pilihan tepat untuk membersihkan diri, wajah kelihatan berseri-seri dan lembut. Meningkatkan ibadah di bulan ramadan menjadi tujuan kita semua dalam keadaan yang bersih dan nyaman. Tidak hairanlah, delegasi yang memberi tumpuan dengan penjelasan mengenai sejarah Sintok sekaligus membawa pulang Sintok *Cleanser* ke Kuala Lumpur.

=====  
DARIPADA:  
ANJUNG TAMU  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
CANSELORI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)  
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098  
FAKS: 04-928 3095  
E-MEL: [welcome\\_centre@uum.edu.my](mailto:welcome_centre@uum.edu.my)

